
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN | 5

-
- 5-1 ● Perspektif Keseluruhan
 - 5-1 ● Perkembangan Monetari
 - 5-3 ● Perkembangan Sektor Kewangan
 - 5-14 ● Prospek 2016

Perspektif Keseluruhan

Sektor kewangan kekal kukuh

Sistem kewangan Malaysia kekal kukuh dalam persekitaran lebih mencabar dengan pertumbuhan global yang sederhana, kejatuhan harga komoditi dan kemerosotan nilai ringgit. Proses perantaraan kewangan tidak terjejas sungguhpun terdapat ketidaktentuan dalam arah aliran modal. Dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi tahun 2015. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, kadar faedah kekal stabil dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.25%, masih lagi bersesuaian menyokong aktiviti ekonomi dan menangani jangkakan inflasi. Sementara itu, inflasi lebih rendah pada 1.9% dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 hasil daripada harga minyak domestik yang lebih rendah walaupun dengan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, dolar AS meningkat berbanding mata wang utama dan serantau lain termasuk ringgit. Terdapat aliran keluar portfolio yang ketara daripada pasaran kewangan serantau disebabkan oleh ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang bertambah baik berserta jangkakan kenaikan kadar faedah AS. Selain itu, faktor lain mempengaruhi mata wang serantau termasuk kejatuhan harga komoditi dan penurunan mata wang yuan.

Pembiayaan dalam sistem perbankan dan pasaran modal tetap teratur walaupun terdapat peningkatan risiko kepada pertumbuhan global dan ketidaktentuan tinggi pasaran kewangan antarabangsa. Aktiviti perantaraan kewangan terus disokong oleh institusi kewangan yang kukuh, pasaran kewangan yang stabil dan kedudukan mudah tunai lebih daripada mencukupi. Tambahan pula, sistem perbankan kekal mempunyai permodalan kukuh dengan nisbah yang ditetapkan melebihi tahap pengawalseliaan minimum di samping pendedahan risiko kredit stabil. Pinjaman dalam sistem perbankan terus berkembang dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 dengan penunjuk pinjaman mencatatkan pertumbuhan positif.

Malaysia terus mendominasi pasaran sukuk merangkumi 54.9% daripada jumlah sukuk global terkumpul berjumlah USD312.9 bilion pada akhir bulan Jun 2015. Walau bagaimanapun, amaun terbitan sukuk global dalam tempoh enam bulan pertama (H1) 2015 menyusut hampir separuh berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun 2014. Penyusutan terbitan disebabkan oleh sentimen lemah pasaran kewangan akibat kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global dan kejatuhan harga komoditi. Pada bulan April 2015, Kerajaan berjaya menerbitkan sukuk global berdaulat keempat dalam denominasi USD berjumlah USD1.5 bilion. Sambutan menggalakkan terhadap sukuk

wakala yang dikeluarkan dalam dua tempoh matang, iaitu 10-tahun dan 30-tahun mencerminkan keyakinan pelabur termasuk pelabur antarabangsa terhadap fundamental ekonomi Malaysia. Terbitan sukuk berdaulat 30-tahun merupakan yang pertama dan bertempoh paling lama di dunia, mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam pasaran sukuk.

Perkembangan Monetari

Dasar Monetari

Dasar monetari kekal akomodatif

Pada tahun 2015, **dasar monetari** terus memberi fokus ke arah memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal kukuh meskipun prospek ekonomi global menyerdahana dan persekitaran luar yang mencabar dan tidak menentu. Ekonomi domestik terus berkembang 5.3% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 6.4%) dipacu oleh permintaan domestik yang berdaya tahan. Manakala, inflasi kekal terkawal dengan purata 1.9% dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 3.3%), memanfaatkan kesan harga minyak domestik yang lebih rendah. Ekonomi dijangka kekal pada pertumbuhan stabil dengan permintaan domestik sebagai pemacu utama pertumbuhan disokong oleh fundamental yang teguh.

OPR, sejak bulan Julai 2014 kekal pada kadar 3.25% dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, berikutan perkembangan perlahan pertumbuhan global, kejatuhan harga komoditi dan peningkatan ketidaktentuan pasaran kewangan. Pada kadar semasa OPR, pendirian dasar monetari kekal akomodatif terhadap aktiviti ekonomi. Keperluan rizab berkanun (SRR) juga kekal pada 4.00% sejak bulan Julai 2011. Berikutan peningkatan ketidakpastian persekitaran global, pembangunan luar dan domestik akan dipantau dengan lebih teliti untuk menilai kesannya terhadap kestabilan makroekonomi dan prospek pertumbuhan ekonomi.

Kadar faedah kekal stabil

Kadar faedah dalam sistem perbankan kekal stabil selaras dengan OPR yang tidak berubah dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Pada 2 Januari 2015, kadar asas (BR) telah diperkenalkan bagi menggantikan kadar pinjaman asas (BLR) sebagai kadar rujukan utama bagi pinjaman runcit kadar terapung baharu. BR ini dijangka dapat memberi manfaat kepada peminjam dan institusi kewangan, di samping memudahkan transmisi perubahan dasar monetari terhadap ekonomi dengan lebih berkesan. Pada akhir bulan Ogos 2015, purata BR berkurangan lima mata asas kepada 3.85% sejak diperkenalkan. Walau bagaimanapun, BLR bank perdagangan kekal stabil pada 6.79% dalam tempoh yang sama (akhir 2014: 6.79%).

Manakala, kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran bank perdagangan jatuh 13 mata asas kepada 5.38% pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 5.51%). Kadar deposit simpanan juga berkurang dua mata asas kepada 1.05% pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 1.07%).

Kadar faedah deposit tetap bagi tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan kekal tidak berubah dalam lingkungan 3.08% dan 3.31% bagi tempoh lapan bulan pertama 2015. Walaupun kadar inflasi meningkat secara berperingkat kepada 3.1% pada bulan Ogos 2015, kadar pulangan benar bagi deposit kekal positif kecuali bagi tempoh matang 1-bulan.

Agregat monetari berkembang sederhana

Agregat monetari berkembang dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. M1 atau wang secara kecil meningkat dengan kadar yang pantas, iaitu 8.8% kepada RM351.5 bilion pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 5.7%; RM346.4 bilion). Peningkatan ini terutamanya disokong oleh kenaikan dalam deposit permintaan, meningkat 7.8% dan berjumlah RM276.1 bilion. Sementara itu, M3 atau wang secara luas berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 4.6% kepada RM1,563.2 bilion pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 7%; RM1,553.8 bilion). Pertumbuhan sederhana M3 dipengaruhi oleh penurunan aset asing bersih dan tuntutan bersih ke atas Kerajaan. Walau

JADUAL 5.1

Faktor Penentu M3 Januari – Ogos

	Perubahan (RM bilion)	
	2014 ¹	2015
M3	41.8	9.3
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	11.9	-25.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	64.0	74.4
Pinjaman	60.3	68.6
Sekuriti	3.7	5.8
Aset asing bersih	15.9	-33.8
Bank Negara Malaysia	-17.6	-47.9
Sistem perbankan	33.5	14.2
Pengaruh lain	-49.9	-5.5

¹ Mulai Januari 2014, kompilasi agregat monetari menggunakan data yang dikumpulkan berdasarkan taksonomi baru.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

bagaimanapun, penyederhanaan M3 diimbangi oleh pemberian kredit lebih tinggi oleh institusi perbankan kepada sektor swasta yang meningkat 9.3% kepada RM1,513.7 bilion.

Ringgit menyusut sejajar dengan mata wang serantau


Nilai **ringgit** menyusut berbanding mata wang utama dan serantau dalam tempoh sembilan bulan pertama 2015. Ringgit serta kebanyakan mata wang utama dan serantau secara amnya berada pada trend merosot disebabkan oleh pengukuhan dolar AS berikutan ekonomi AS yang bertambah baik dan jangkaan kenaikan kadar faedah. Ketidakpastian perkembangan ekonomi di Greece dan kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi China serta penurunan yuan pada bulan Ogos turut menjejaskan prestasi mata wang serantau. Tambahan pula, ringgit mengalami penurunan lebih ketara dalam tempoh tersebut disebabkan kejatuhan harga minyak mentah dan faktor tempatan.

Pada bulan September 2015, ringgit terus merosot 5.2% berbanding dolar AS walaupun US Federal Reserve (Fed) membuat keputusan untuk melengahkan kenaikan kadar faedah. Sejalan dengan prestasi pasaran serantau, ringgit turut dipengaruhi oleh faktor lain seperti kejatuhan berterusan harga minyak mentah global, kelembapan ekonomi China, prospek pertumbuhan global yang sederhana dan risiko pengaliran keluar dana asing daripada pasaran modal tempatan. Ringgit juga merosot berbanding mata wang utama dan serantau lain antara 1% dan 6%. Dalam tempoh Januari hingga September 2015, ringgit menyusut 21.4% berbanding dolar AS, yen Jepun (21.1%), paun sterling (19.3%) dan euro (15.1%). Ringgit juga menyusut nilai dalam lingkungan 7.3% hingga 19.4% berbanding mata wang serantau lain.

CARTA 5.1

Agregat Monetari


(% pertumbuhan)



¹ Akhir Ogos 2015.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.2

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia.

Perkembangan Sektor Kewangan

Prestasi Sistem Perbankan

Pertumbuhan pinjaman menyederhana

Prestasi pinjaman sistem perbankan mencatatkan pertumbuhan dengan kadar sederhana dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Jumlah **permohonan pinjaman** meningkat semula 0.2% kepada RM536.8 bilion (Januari – Ogos 2014: -0.5%; RM535.9 bilion) dan **kelulusan pinjaman** juga kembali positif merekodkan 1.5% kepada RM260.8 bilion (Januari – Ogos 2014: -1.4%; RM257 bilion). Jumlah **pengeluaran pinjaman** perbankan meningkat 2.1% kepada RM706 bilion (Januari – Ogos 2014: 13.3%; RM691.4 bilion) disumbangkan oleh pengeluaran yang tinggi bagi pinjaman bisnes. Sementara itu, jumlah **pinjaman terkumpul** berkembang sebanyak 10.2% kepada RM1,412.8 bilion pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 9.3%; RM1,339.7 bilion).

Pinjaman kepada bisnes dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 juga berkembang pada kadar sederhana. Permohonan pinjaman kepada sektor bisnes meningkat 1.9% kepada RM251.8 bilion dalam tempoh yang sama (Januari – Ogos 2014: 4.6%; RM247.1 bilion), manakala kelulusan pinjaman kepada sektor bisnes kembali pulih dengan pertumbuhan kukuh 20.4% kepada RM116.1 bilion (Januari – Ogos 2014: -6.6%; RM96.4 bilion).

JADUAL 5.2

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari – Ogos

	RM bilion		% Pertumbuhan	
	2014	2015	2014	2015
Jumlah¹				
Permohonan pinjaman	535.9	536.8	-0.5	0.2
Kelulusan pinjaman	257.0	260.8	-1.4	1.5
Pengeluaran pinjaman	691.4	706.0	13.3	2.1
Pinjaman terkumpul ²	1,281.9	1,412.8	8.6	10.2
antaranya:				
Perniagaan				
Permohonan pinjaman	247.1	251.8	4.6	1.9
Kelulusan pinjaman	96.4	116.1	-6.6	20.4
Pengeluaran pinjaman	490.6	506.0	18.5	3.1
Pinjaman terkumpul ²	468.9	522.8	6.7	11.5
antaranya:				
PKS				
Permohonan pinjaman	119.9	126.6	-6.5	5.6
Kelulusan pinjaman	42.5	43.6	-11.0	2.6
Pengeluaran pinjaman	151.3	174.5	1.2	15.3
Pinjaman terkumpul ²	213.5	251.2	11.9	17.7
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	288.8	285.1	-4.6	-1.3
Kelulusan pinjaman	160.6	144.7	2.0	-9.9
Pengeluaran pinjaman	200.9	200.0	2.4	-0.4
Pinjaman terkumpul ²	738.5	799.8	11.0	8.3

¹ Termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Pada akhir tempoh.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pengeluaran pinjaman kepada bisnes pula meningkat 3.1% kepada RM506 bilion (Januari – Ogos 2014: 18.5%; RM490.6 bilion). Pengeluaran pinjaman kebanyakannya disalurkan kepada sektor pembuatan merangkumi 19.4% daripada jumlah pengeluaran pinjaman, diikuti oleh sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (18.3%) serta sektor aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan (8.7%). Jumlah pinjaman terkumpul kepada sektor bisnes meningkat 11.5% kepada RM522.8 bilion pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 9.4%; RM493.4 bilion).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, pembiayaan bagi **perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** mencatat pertumbuhan positif dengan permohonan pinjaman kembali pulih sebanyak 5.6% dan kelulusan pinjaman meningkat semula 2.6% (Januari – Ogos 2014: -6.5%; -11%). Sementara itu, pengeluaran pinjaman kepada PKS mencatatkan pertumbuhan dua digit, iaitu 15.3% kepada RM174.5 bilion (Januari – Ogos 2014: 1.2%; RM151.3 bilion). Jumlah pinjaman PKS terkumpul meningkat 17.7% kepada RM251.2 bilion, mewakili 48% daripada jumlah pinjaman kepada bisnes pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 14%; RM225.9 bilion; 45.8%). Kebanyakan pinjaman PKS disalurkan kepada sektor aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan (28.8%) serta sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (24.6%).

JADUAL 5.3

Pinjaman Terkumpul Mengikut Sektor (pada akhir tempoh)

	RM bilion		% Bahagian	
	2014	2015 Ogos	2014	2015 Ogos
Perniagaan	493.4	522.8	36.8	37.0
Syarikat besar ¹	267.5	271.7	20.0	19.2
PKS	225.9	251.2	16.9	17.8
<i>Sektor terpilih</i>				
Pertanian primer	31.5	37.1	2.4	2.6
Perombongan dan kuari	9.4	12.9	0.7	0.9
Pembuatan	100.9	103.3	7.5	7.3
Bekalan elektrik, gas dan air	12.9	10.8	1.0	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	98.6	105.1	7.4	7.4
Pembinaan	57.8	59.3	4.3	4.2
Harta tanah	85.4	92.8	6.4	6.6
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	32.8	35.5	2.5	2.5
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	93.9	93.3	7.0	6.6
Isi rumah²	762.0	799.8	56.9	56.6
antaranya:				
Pembelian harta kediaman ³	368.1	396.6	27.5	28.1
Pembelian kereta penumpang ³	142.7	145.6	10.6	10.3
Kredit penggunaan ^{3,4}	95.3	96.4	7.1	6.8
antaranya:				
Kad kredit ³	35.1	34.3	2.6	2.4
Kegunaan persendirian ³	59.6	61.9	4.4	4.4
Sektor lain	84.4	90.1	6.3	6.4
Jumlah⁵	1,339.7	1,412.8	100.0	100.0

¹ Termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Meliputi pinjaman kepada semua pelanggan (bukan isi rumah dan isi rumah).

³ Mencerminkan pinjaman kepada isi rumah sahaja.

⁴ Kredit penggunaan = Kad kredit + Kegunaan persendirian.

⁵ Jumlah = Perniagaan + Isi rumah + Sektor lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Selain sistem perbankan, pembiayaan PKS juga menerima sumber daripada pelbagai **tabung pusingan khas**¹ yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Keseluruhan pembiayaan berjumlah RM26.7 bilion diluluskan kepada 65,532 PKS dengan kadar penggunaan purata 70.4%, pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir Ogos 2014: 60,925 PKS; RM25.1 bilion; 68.8%). Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, pinjaman diluluskan kepada 4,617 PKS berjumlah RM1,572.7 juta (Januari – Ogos 2014: 2,136 PKS; RM836.2 juta).

Perniagaan mikro juga terus mendapat akses kepada pembiayaan menerusi Skim Pembiayaan Mikro. Terkini, tujuh institusi perbankan dan tiga institusi kewangan pembangunan (DFI) menyediakan **pembiayaan mikro** kepada usahawan melalui produk konvensional dan Islamik boleh didapati di lebih 2,200 saluran perkhidmatan. Di bawah skim ini, jumlah pinjaman terkumpul meningkat 4.1% kepada RM892.1 juta pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 0.7%; RM863.2 juta). Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, sejumlah 11,601 akaun perniagaan mikro bernilai RM233.3 juta diluluskan (Januari – Ogos 2014: 11,018 akaun; RM207.3 juta).

Bank Simpanan Nasional (BSN), Agrobank dan Bank Rakyat terus memainkan peranan penting dalam menyokong aktiviti pembiayaan mikro. Sehingga akhir bulan Ogos 2015, pembiayaan mikro terkumpul menerusi semua DFI ini berjumlah RM773.1 juta merangkumi 86.7% daripada jumlah pembiayaan mikro terkumpul (akhir 2014: RM749.5 juta; 86.8%). Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, sejumlah 9,642 akaun pembiayaan mikro berjumlah RM197.4 juta diluluskan (akhir 2014: 14,788 akaun; RM285.5 juta).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, permohonan **pinjaman isi rumah** merosot 1.3% dan kelulusan pinjaman isi rumah berkurang 9.9% (Januari – Ogos 2014: -4.6%; 2%). Pengeluaran pinjaman isi rumah juga menyusut marginal 0.4% kepada RM200 bilion (Januari – Ogos 2014: 2.4%; RM200.9 bilion). Pinjaman dikeluarkan kepada sektor isi rumah terutamanya untuk kredit penggunaan berjumlah RM86.4 bilion mewakili 43.2% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah (Januari – Ogos 2014: RM85 bilion; 42.3%), diikuti oleh pinjaman untuk pembelian kediaman berjumlah RM56.2 bilion (28.1%) (Januari – Ogos 2014: RM52.8 bilion; 26.3%). Jumlah pinjaman terkumpul sektor isi rumah juga meningkat 8.3% kepada RM799.8 bilion dan mewakili 56.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 9.9%; RM762 bilion; 56.9%).

Jumlah hutang isi rumah, termasuk pinjaman yang disediakan oleh sistem perbankan, DFI dan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan meningkat dengan perlahan sejak tahun 2012, dengan peningkatan 7.9% pada akhir bulan Ogos 2015 merangkumi 88.1% daripada KDNK nominal (akhir 2014: 9.4%; 86.8%). Perkembangan ini disebabkan oleh pelaksanaan inisiatif kehematan makro sejak tahun 2010 untuk mengawal hutang isi rumah yang berlebihan dan mengelakkan berlakunya kesulitan kewangan. Selain itu, trend ini berlandaskan kepada penyederhanaan pengembangan pembiayaan peribadi daripada pemberi pinjaman selain bank yang berkembang 3.7% dalam tempoh yang sama (akhir 2014: 5.2%). Perkembangan pertumbuhan hutang isi rumah ini

¹ Tabung Untuk Makanan telah ditubuhkan pada tahun 1993; Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (2000); Tabung Usahawan Baru 2 (2001); Tabung Pembiayaan Mikro (2008); Tabung Projek Usahawan Bumiputera – Islamik (2009) dan Tabung Bantuan Khas (SRF) ditubuhkan pada bulan Januari 2015 bagi membantu bisnes yang terjejas akibat banjir dan telah ditutup bagi permohonan baru pada 30 Jun 2015.

adalah selaras dengan pertumbuhan aset kewangan isi rumah. Secara agregat, penampakan kewangan isi rumah kekal kukuh dan konsisten pada paras melebihi dua kali daripada hutang isi rumah. Pada akhir bulan Ogos 2015, aset kewangan isi rumah meningkat 4% kepada RM2,058.8 bilion dengan komposisi aset kewangan tidak berubah secara amnya (akhir 2014: 6%; RM2,018.2 bilion). Lebih separuh daripada aset kewangan mudah tunai isi rumah berbentuk deposit dan instrumen mirip deposit, menyediakan akses mudah tunai yang cepat bagi isi rumah untuk memenuhi perbelanjaan yang meningkat.


Risiko kestabilan kewangan domestik berikutan keterhutangan isi rumah dan kenaikan harga hartanah kekal terkawal kesan daripada inisiatif yang dilaksanakan sejak tahun 2010. Inisiatif tersebut meliputi penggalakkan pasaran harta tanah yang mampan dan pembendungan tingkah laku spekulatif; pelaksanaan dasar kehematan makro bagi memastikan pengembangan kredit yang berhemat; dan menggalakkan tingkah laku individu dan institusi kewangan yang bertanggungjawab. Pelaksanaan Garis Panduan Mengenai Amalan Pembiayaan Bertanggungjawab yang diperkenalkan pada tahun 2012 untuk menggalakkan taja jamin kredit dan penilaian kemampuan meminjam yang lebih berhemat telah menyumbang kepada peningkatan keupayaan membayar balik hutang.

Sistem perbankan berdaya tahan

Sistem perbankan kekal mempunyai permodalan kukuh. Pada akhir bulan Ogos 2015, nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1) mencatat 12.1%, nisbah modal kumpulan 1 (12.7%) dan nisbah jumlah modal (14.8%), melebihi keperluan minimum pengawalseliaan (akhir 2014: 12.8%; 13.6%; 15.5%). Modal berkualiti tinggi dalam bentuk keuntungan bersih tertahan, modal berbayar dan rizab melebihi 80% daripada jumlah modal bank. Jumlah penampakan modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan terus melebihi RM98 bilion (akhir Ogos 2014: RM97 bilion). Kedudukan mudah tunai dalam sistem perbankan juga kekal lebih daripada mencukupi. Pada akhir bulan Ogos 2015, kedudukan lebih mudah tunai bank dengan BNM kekal melebihi RM110 bilion. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai lebih rendah, iaitu RM19.7 bilion (Januari – Ogos 2014: RM21.7 bilion). Sistem perbankan terus mencatat keuntungan kukuh walaupun terdapat tekanan persaingan terutamanya dalam pasaran pembiayaan runcit. Keuntungan juga terus disokong oleh pendapatan aktiviti berasaskan fi lain seperti perbankan pelaburan dan perkhidmatan berkaitan pembayaran yang mencatatkan peningkatan stabil. Berkuat kuasa 1 Jun 2015, semua bank mematuhi keperluan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR) mengikut Basel III yang lebih mantap. Kualiti pinjaman dalam sistem perbankan semakin baik dengan paras pinjaman terjejas bersih pada kadar 1.2% daripada pinjaman bersih sehingga akhir bulan Ogos 2015 (akhir Ogos 2014: 1.3%).

CARTA 5.3

Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (pada akhir tempoh)



¹ Akhir Ogos 2015.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Dalam usaha sektor kewangan Malaysia beralih ke pasaran antarabangsa dengan memanfaatkan pendekatan ke arah liberalisasi secara berperingkat dan berturutan, sektor perbankan negara terus menarik kehadiran bank asing yang ketara merangkumi 22.3% daripada aset sektor perbankan sehingga bulan Ogos 2015. Pada masa ini, terdapat 29 bank asing diperbadankan yang beroperasi di Malaysia daripada jumlah keseluruhan 58 institusi perbankan termasuk bank perdagangan, bank pelaburan dan bank Islam. Selain itu, penyempurnaan Pakej Keenam Komitmen Sektor Kewangan pada bulan Mac 2015 menandakan langkah paling bermakna dalam liberalisasi perkhidmatan kewangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan (AFAS). Pencapaian signifikan yang diperoleh berserta dengan Pakej Keenam ini ialah penyempurnaan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ABIF).

Sokongan pembiayaan daripada DFI

Aktiviti pembiayaan **DFI** kekal positif dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 dengan memberi fokus sokongan kepada sektor strategik terutamanya pertanian, infrastruktur, PKS dan eksport serta promosi inklusif kewangan. Pada akhir bulan Ogos 2015, jumlah pembiayaan terkumpul terus meningkat kepada RM133.6 bilion walaupun mencatat pertumbuhan lebih perlahan 5.5% (akhir 2014: RM128.4 bilion; 6.9%). Pertumbuhan pembiayaan disumbangkan oleh peningkatan bisnes berteraskan eksport dan usaha niaga merentas sempadan serta pembiayaan sektor isi

JADUAL 5.4

Institusi Kewangan Pembangunan¹: Halatuju Pinjaman Mengikut Sektor (pada akhir tempoh)

	RM bilion		% Bahagian	
	2014	2015 Ogos	2014	2015 Ogos
Pertanian primer	7.7	7.6	6.0	5.7
Pembuatan	5.5	5.4	4.3	4.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	2.3	3.0	1.8	2.3
Pembinaan	12.6	12.5	9.8	9.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	10.2	9.6	8.0	7.2
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	4.7	5.2	3.7	3.9
Lain-lain	85.4	90.3	66.5	67.6
Jumlah	128.4	133.6	100.0	100.0

¹ Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Bhd, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd, Bank Simpanan Nasional, Eksport-Import Bank Malaysia Bhd, Bank Pertanian Malaysia (Agrobank) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Bhd (SME Bank).

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

rumah. Pembiayaan untuk menyokong aktiviti eksport dan usaha niaga luar negeri oleh EXIM Bank telah mencatat pertumbuhan 39.5% kepada RM12.3 bilion pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 37.5%; RM8.8 bilion). Pertumbuhan ini terutamanya didorong oleh pembiayaan lebih tinggi kepada syarikat Malaysia yang memperluas aktiviti di luar negeri, terutamanya dalam aktiviti pembinaan, pembangunan hartanah, utiliti dan berkaitan pelaburan. Sementara itu, pembiayaan kepada isi rumah oleh Bank Rakyat dan BSN meningkat 7% kepada RM78 bilion (akhir 2014: 7.7%; RM74.8 billion), mencerminkan permintaan berterusan terhadap kredit penggunaan dan hartanah kediaman. Pembiayaan keseluruhan DFI kepada sektor PKS mencatat pertumbuhan marginal 1% kepada RM14.4 bilion pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 2.5%; RM13.6 bilion) terutama kepada sektor utiliti, pertanian utama dan pembuatan serta pengangkutan dan perhubungan.

Perbankan Islam terus berkembang

Malaysia terus melaksanakan kewangan Islam dengan pelbagai inisiatif di peringkat domestik dan antarabangsa ke arah menjadikan negara sebagai hab pasaran kewangan Islam dunia. **Industri perbankan Islam** menunjukkan pertumbuhan ketara sejak lima tahun lalu. Aset perbankan Islam termasuk DFI berkembang dengan kadar tahunan berkompau (CAGR) 15.5% kepada RM625.2 bilion pada akhir tahun 2014 daripada RM351.2 bilion pada akhir tahun 2010. Pada akhir bulan Ogos 2015, jumlah aset perbankan Islam mencatat pertumbuhan 13.7% kepada RM672.6 bilion (akhir 2014: 12%; RM625.2 bilion). Jumlah deposit perbankan Islam juga meningkat

JADUAL 5.5

Perbankan Islam¹: Penunjuk Utama (pada akhir tempoh)

	RM bilion		% Pertumbuhan	
	2014	2015 Ogos	2014	2015 Ogos
Aset	625.2	672.6	12.0	13.7
Deposit	494.7	497.1	13.4	6.6
antaranya:				
Pelaburan	151.5	93.9	-20.6	-49.9
Tabungan	32.3	42.6	-9.0	6.7
Permintaan	75.5	68.2	24.3	9.3
Lain-lain	235.5	292.5	57.0	65.6
Pembiayaan	430.9	473.9	16.1	17.5
antaranya:				
Pembuatan	20.6	21.7	18.8	11.2
Pembinaan	22.0	20.8	33.0	10.5
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	27.8	30.1	16.4	29.5
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	17.2	19.5	-4.8	14.4
Isi rumah	273.3	294.5	14.4	12.7

¹ Termasuk institusi kewangan pembangunan (DFI).

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

6.6% kepada RM497.1 bilion (akhir 2014: 13.4%; RM494.7 bilion). Dalam tempoh yang sama, jumlah pembiayaan perbankan Islam meningkat kukuh 17.5% kepada RM473.9 bilion (akhir 2014: 16.1%; RM430.9 bilion). Pertumbuhan kukuh dalam perbankan Islam telah menyebabkan peningkatan syer pasaran aset perbankan Islam (termasuk DFI) dengan 25.8% daripada jumlah aset perbankan pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 25.5%).

Pinjaman kekal tertumpu kepada sektor isi rumah dengan jumlah RM294.5 bilion (62.1% daripada keseluruhan pinjaman) pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: RM273.3 bilion; 63.4%). Sementara itu, sektor aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan menyumbang 6.4% daripada keseluruhan pinjaman atau RM30.1 bilion (akhir 2014: 6.5%; RM27.8 bilion), diikuti sektor pembuatan (4.6%) atau RM21.7 bilion dan pembinaan (4.4%) atau RM20.8 bilion (akhir 2014: 4.8%, RM20.6 bilion; 5.1%, RM22 bilion).

Prestasi Pasaran Modal

Aktiviti penjanaan dana menyederhana

Dana kasar yang diperoleh melalui pasaran modal menguncup 9.8% kepada RM119.9 bilion bagi tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 21.2%; RM132.9 bilion). Penguncupan ini disebabkan oleh aktiviti perolehan dana lebih rendah dalam sektor swasta dengan dana kasar yang diperoleh merosot

JADUAL 5.6

Dana yang Diperoleh di Pasaran Modal Januari – Ogos

	RM juta	
	2014	2015
Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	33,029.4	34,500.4
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	23,773.2	27,154.9
Sukuk Perumahan Kerajaan	8,100.0	8,000.0
Terbitan baharu sekuriti hutang	64,902.6	69,655.3
Tolak: Penebusan	32,442.7	30,796.7
Dana bersih yang diperoleh oleh sektor awam	32,459.9	38,858.6
Sektor Swasta		
Saham¹ / Waran		
Tawaran awam permulaan	5,680.3	3,640.0
Terbitan hak	10,199.9	6,132.4
Waran	6.5	0.0
Terbitan baharu saham/waran	15,886.7	9,772.4
Sekuriti hutang		
Bon biasa	2,809.0	2,303.4
Bon boleh tukar	0.0	0.0
Bon Islam	7,376.5	2,596.2
Nota jangka sederhana	41,953.6	35,575.9
Terbitan baharu sekuriti hutang	52,139.1	40,475.5
Tolak: Penebusan	32,543.2	26,825.4
Terbitan bersih sekuriti hutang	19,595.9	13,650.1
Dana bersih yang diperoleh oleh sektor swasta	35,482.7	23,422.5
Jumlah dana bersih diperoleh	67,942.6	62,281.1

¹ Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

26.1% kepada RM50.2 bilion (Januari – Ogos 2014: 41.9%; RM68 bilion). Namun begitu, dana kasar yang diperoleh oleh sektor awam meningkat lebih pantas, iaitu 7.3% kepada RM69.7 bilion (Januari – Ogos 2014: 5%; RM64.9 bilion). Berdasarkan kepada sektor, terbitan PDS didominasi oleh sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan pada lapan bulan pertama 2015 berjumlah RM29.7 bilion atau 73.4% daripada PDS yang diterbitkan, terutamanya untuk aktiviti baharu, modal kerja dan tujuan korporat am. Bon Islam terus menjadi pilihan di kalangan syarikat, menyumbang 77% daripada PDS yang baharu diterbitkan. Selain itu, 60% daripada terbitan PDS tersebut merupakan terbitan gred pelaburan bagi AA dan ke atas pada akhir bulan Ogos 2015.

Jumlah dana bersih yang diperoleh melalui pasaran modal berkurang 8.3% kepada RM62.3 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 102.1%; RM67.9 bilion). Aktiviti penajaan dana

JADUAL 5.7

PDS¹ Baharu Mengikuti Sektor Januari – Ogos

	RM juta		% Bahagian	
	2014	2015	2014	2015
Pertanian, perhutanan dan perikanan	38.0	1,228.0	0.1	3.0
Perlombongan dan kuari	12.0	0.0	0.0	0.0
Pembuatan	450.0	355.0	0.9	0.9
Pembinaan	10,773.8	2,796.2	20.7	6.9
Elektrik, gas dan air	3,762.9	2,230.0	7.2	5.5
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	1,510.0	1,140.0	2.9	2.8
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	27,775.7	29,727.0	53.3	73.4
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	7,350.2	2,809.7	14.1	6.9
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	466.5	189.5	0.9	0.5
Jumlah	52,139.1	40,475.5	100.0	100.0

¹ Termasuk PDS yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin.


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

bersih oleh sektor awam menyumbang kepada bahagian yang lebih besar, iaitu RM38.9 bilion mewakili 62.4% daripada jumlah dana (Januari – Ogos 2014: RM32.5 bilion; 47.8%), manakala baki RM23.4 bilion (37.6%) disumbangkan oleh sektor swasta (Januari – Ogos 2014: RM35.5 bilion; 52.2%). Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti merosot 38.5% kepada RM9.8 bilion (Januari – Ogos 2014: 87.9%; RM15.9 bilion) dengan jumlah tawaran awam permulaan (IPO) berkurang dalam tempoh tersebut. Pada akhir bulan Ogos 2015, hanya lapan IPO baharu disenaraikan (akhir 2014: 14 IPO) dengan dua IPO terbesar daripada sektor tenaga dan pembinaan. Pertumbuhan dana yang lebih rendah di pasaran ekuiti adalah kerana syarikat menangguhkan IPO terutamanya disebabkan oleh kewaspadaan terhadap pasaran.

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) merosot bagi semua tempoh matang berikutan permintaan kukuh pelabur dalam tempoh tujuh bulan pertama 2015 walaupun terdapat ketidakpastian pasaran kewangan global. Walau bagaimanapun, kadar hasil MGS meningkat pada bulan Ogos 2015 kerana kebimbangan terhadap kesan penurunan mendadak harga minyak mentah dunia, penyusutan nilai ringgit dan peningkatan jangkaan kenaikan kadar faedah oleh Fed menyebabkan kecairan pegangan asing berjumlah RM8 bilion. Secara keseluruhan, kadar hasil MGS bertempoh matang 5-tahun meningkat sebanyak 15 mata asas dan kadar hasil MGS bertempoh matang 10-tahun meningkat 25 mata asas dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Kadar hasil MGS bertempoh matang 3-tahun pula mencatatkan penurunan sebanyak 12 mata asas.

CARTA 5.4

Kadar Hasil Indikatorif Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)¹



¹ Akhir tempoh.
² Akhir Ogos 2015.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pada akhir bulan Ogos 2015, pegangan MGS oleh pelabur asing berjumlah RM157.4 bilion, mewakili 46% daripada keseluruhan MGS (akhir Ogos 2014: RM148.3 bilion; 47.3%). Sementara itu, dalam pasaran PDS, kadar hasil sekuriti bertempoh matang 5-tahun bertaraf AAA meningkat lima mata asas, kadar hasil bertaraf AA, sembilan mata asas dan kadar hasil bertaraf A, 33 mata asas (Januari – Ogos 2014: 27 mata asas; 20 mata asas; -7 mata asas). Kadar hasil PDS kekal stabil terutamanya bagi PDS berpenarafan lebih tinggi disebabkan oleh permintaan berterusan pelabur tempatan.


Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, spread kredit PDS² mengecil berikutan peningkatan tinggi dalam kadar hasil MGS. Dalam tempoh tersebut, spread kredit PDS 5-tahun bagi sekuriti hutang bertaraf AAA berkurang sembilan mata asas, sekuriti bertaraf AA mengecil enam mata asas manakala sekuriti bertaraf A pula meningkat 18 mata asas (Januari – Ogos 2014: 25 mata asas; 18 mata asas; -9 mata asas). Spread tempoh matang MGS³ pula melebar 65 mata asas (Januari – Ogos 2014: -42 mata asas).

FBM KLCI seiring trend pasaran serantau

Pasaran ekuiti berkembang perlahan pada permulaan tahun 2015 berikutan sentimen pelaburan yang bearis pada Q4 2014. Walau bagaimanapun, FBM KLCI mula meningkat pada minggu terakhir bulan Januari 2015 dan meneruskan trend positif serta merekodkan paras tahunan tertinggi kepada 1,862.80 mata pada 21 April 2015. Peningkatan trend ini disokong oleh beberapa faktor termasuk pengumuman pendapatan korporat yang kukuh pada Q4 2014, pendirian Fed yang berbehal bahagi terhadap dasar monetari AS serta pengumuman pakej stimulus Bank Pusat Eropah (ECB) untuk mencergaskan ekonomi kawasan euro. Dalam tempoh empat bulan pertama

CARTA 5.5


Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah MGS Terkumpul¹



¹ Akhir tempoh.
² Akhir Ogos 2015.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.6


Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta (PDS) 5-Tahun¹



¹ Akhir tempoh.
² Akhir Ogos 2015.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.7

Prestasi Bursa Malaysia



¹ Akhir tempoh.
 Sumber: Bursa Malaysia.

² kadar hasil PDS tolak kadar hasil MGS

³ kadar hasil MGS 10-tahun tolak kadar hasil MGS 1-tahun

JADUAL 5.8

Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih Januari – Ogos

	2014	2015
Indeks¹		
FBM KLCI	1,866.1	1,612.7
FBMEMAS	12,995.1	10,976.0
FBM 100	12,583.0	10,734.2
FBM SCAP	18,604.6	13,771.2
FBM-ACE	6,903.7	4,947.1
Jumlah urus niaga²		
Bilangan (juta unit)	356,810.9	323,479.9
Nilai (RM juta)	362,887.2	336,115.9
Purata urus niaga harian²		
Bilangan (juta unit)	2,189.0	1,972.4
Nilai (RM juta)	2,226.3	2,049.5
Permodalan pasaran¹ (RM bilion)	1,776.3	1,555.9
Bilangan syarikat disenaraikan¹		
Pasaran Utama	799	798
Pasaran ACE	108	107
Kecairan pasaran¹		
Nilai urus niaga / permodalan pasaran (%)	20.4	21.6
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi / permodalan pasaran (%)	34.0	35.2

¹ Pada akhir tempoh.² Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan terus.


Sumber: Bursa Malaysia.

2015, FBM KLCI menunjukkan prestasi memberangsangkan walaupun berlaku aliran keluar dana asing oleh pelabur bukan pemastautin berikutan kejatuhan ketara harga minyak mentah dan penyusutan nilai ringgit.

FBM KLCI jatuh pada minggu terakhir bulan April dan pasaran terus lemah seiring dengan kejatuhan bursa utama dan serantau sepanjang bulan Mei hingga Julai 2015. Beberapa faktor telah menjejaskan pasaran, termasuk perkembangan luaran seperti kebimbangan terhadap krisis hutang Greece; prospek pertumbuhan global yang sederhana; ketidakpastian pasaran ekuiti China; potensi kenaikan kadar faedah di AS; dan kelemahan harga komoditi. Isu domestik turut memberi kesan kepada pasaran, termasuk jangkaan penurunan penarafan berdaulat terhadap Malaysia oleh Fitch Ratings dan kemerosotan nilai ringgit. FBM KLCI menyusut daripada 1,818.27 mata pada akhir bulan April kepada 1,691.92 mata pada 29 Jun 2015.

Pasaran menunjukkan sedikit peningkatan pada bulan Julai berikutan pengesahan semula penarafan Malaysia oleh S&P, naik taraf unjuran Malaysia daripada negatif kepada stabil oleh Fitch Ratings serta maklumat mengenai hasrat pengawal selia negara China untuk menyokong pasaran saham dan memberi isyarat untuk meningkatkan inisiatif memudahkan dasar monetari bagi merangsang mudah

CARTA 5.8

Prestasi Pasaran Saham Terpilih

Sumber: Bloomberg.

tunai. Walau bagaimanapun, pasaran jatuh mendadak di bawah paras 1,600 mata pada bulan Ogos dan mencecah paras terendah tahun ini kepada 1,532.14 mata pada 24 Ogos 2015 seiring dengan penjualan besar-besaran dalam pasaran global dan serantau. Ketidakpastian terhadap prospek pertumbuhan global, penurunan nilai yuan yang tidak dijangka ditambah pula dengan isu domestik serta ringgit yang lemah, telah mempengaruhi pasaran. Oleh itu, FBM KLCI ditutup pada 1,612.74 mata pada akhir bulan Ogos 2015. Di peringkat serantau, FBM KLCI mencatatkan penurunan 8.4% berbanding dengan pasaran lain dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Indonesia mengalami kejatuhan pasaran paling besar dengan Indeks Komposit Jakarta jatuh 13.7% kepada 4,509.61 mata, diikuti Indeks Strait Times Singapura yang merosot 13.2% kepada 2,921.44 mata.

FBM KLCI menokok pada bulan September 2015, disokong oleh sentimen luaran yang positif dan pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar AS. Sentimen pasaran turut melonjak berikutan pengumuman suntikan dana bernilai RM20 bilion kepada ValueCap Sdn. Bhd. sebagai salah satu inisiatif pelan stimulus menyeluruh yang akan digunakan untuk melabur dalam syarikat tersenarai yang di bawah nilai. Tambahan pula, keputusan terbaru Fed untuk mengekalkan penanda aras kadar faedah jangka pendek AS kepada hampir sifar terus meningkatkan keyakinan pelabur terhadap pasaran saham domestik. Dari awal tahun sehingga akhir bulan September 2015, FBM KLCI menyusut sebanyak 140.21 mata atau 8% ditutup pada 1,621.04 mata (akhir September 2014: -20.7 mata; -1.1%; 1,846.31 mata).

Dari segi aktiviti urus niaga, keseluruhan volum urus niaga bagi tempoh lapan bulan pertama 2015 berkurang 9.3% kepada 323.5 bilion unit, manakala jumlah purata urus niaga harian kekal stabil 1.97 bilion unit (Januari – Ogos 2014: 46.3%; 356.8 bilion unit; 2.19 bilion unit). Jumlah nilai urus niaga juga menguncup 7.4% kepada RM336.1 bilion mencatat nilai purata urus niaga harian sebanyak RM2.05 bilion (Januari – Ogos 2014: 6%; RM362.9

billion; RM2.23 billion). Sementara itu, nilai permodalan pasaran merosot 12.4% kepada RM1,555.9 billion pada akhir bulan Ogos 2015, berbanding RM1,776.3 billion pada akhir tahun 2014. Halaju pasaran merosot 23.1%, manakala volatiliti pasaran meningkat kepada 8.7% (akhir Ogos 2014: 22%; 5%). Bilangan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia kekal, iaitu 905 syarikat (akhir 2014: 907 syarikat).

Derivatif berkaitan ekuiti menyokong pertumbuhan

Pasaran derivatif terus berkembang dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Pasaran ini mencatatkan pertumbuhan dagangan dua angka, iaitu 18.4% berjumlah 9.2 juta kontrak dalam tempoh tersebut (Januari – Ogos 2014: 6.8%; 7.8 juta kontrak). Jumlah dagangan terus dipacu oleh niaga hadapan minyak sawit mentah (FCPO), menyumbang bahagian pasaran sebanyak 78.6%, diikuti oleh niaga hadapan FBM KLCI (FKLI), 20.9%. Sementara itu, niaga hadapan MGS 5-tahun yang tidak diniagakan pada tahun 2014, mencatat perolehan ketara dengan 3,600 kontrak. Walau bagaimanapun, dagangan bagi niaga hadapan emas (FGLD) dan niaga hadapan 3-Bulan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (FKB3) merosot dalam tempoh tersebut. Niaga hadapan MGS 3-tahun, niaga hadapan minyak isirong sawit mentah, niaga hadapan CPO dolar AS serta niaga hadapan saham tunggal tidak diniagakan dalam tempoh tersebut.

Dari segi jumlah dagangan, FKLI mencatat pertumbuhan kukuh 37.4% kepada 1.9 juta kontrak dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: -24.8%; 1.4 juta kontrak). Jumlah dagangan FCPO juga berkembang 15.4% kepada 7.2 juta kontrak, bersamaan dengan 12.9 juta tan metrik CPO (Januari – Ogos 2014: 16.1%; 6.3 juta kontrak; 12.8 juta tan metrik). Perdagangan dalam FGLD kekal mencabar berikutan harga spot bagi emas terus menunjukkan trend penurunan dalam tempoh tersebut. Sementara itu, Bursa Malaysia Derivatives Bhd telah memperkenalkan kontrak niaga hadapan RBD olein sawit (FPOL) yang mula didagangkan pada 16 Jun 2014. Walau bagaimanapun, aktiviti dagangan FPOL adalah minimum berikutan lindung nilai mata wang yang mahal. Pasaran opsyen pula semakin kukuh dengan urus niaga opsyen FCPO (OCPO) meningkat hampir lima kali ganda kepada 1,300 kontrak dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 265 kontrak). Perdagangan opsyen bagi FKLI (OKLI) juga meningkat 53.7% kepada 3,415 kontrak (Januari – Ogos 2014: 2,222 kontrak).

Industri unit amanah terus berkembang

Industri unit amanah terus berkembang dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Dalam tempoh tersebut, dua dana Islam baharu dilancarkan menjadikan jumlah bilangan dana unit amanah kepada 617, merangkumi 427 dana konvensional dan 190 dana Islam (akhir 2014: 17 dana baharu; 612 dana; 424 dana konvensional; 188 dana Islam). Pada masa yang sama, dari bulan Januari hingga

JADUAL 5.9

Industri Unit Amanah: Penunjuk Terpilih (pada akhir tempoh)

	2014	2015 Ogos
Bilangan syarikat pengurusan	36	37
Bilangan dana yang dilancarkan	612	617
Konvensional	424	427
Patuh Syariah	188	190
Unit dalam edaran (bilion)	425.4	451.2
Bilangan akaun (juta)	17.4	17.9
NAV (RM bilion)	343.0	340.6
Konvensional	296.4	292.7
Patuh Syariah	46.7	47.9
% NAV kepada permodalan pasaran Bursa Malaysia	20.8	21.9

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Ogos 2015, jumlah unit amanah dalam edaran meningkat 6.1% kepada 451.2 bilion unit manakala bilangan akaun meningkat 2.7% kepada 17.9 juta (akhir 2014: 9.5%, 425.4 bilion unit; 3.8%, 17.4 juta). Di samping itu, saiz industri unit amanah berdasarkan jumlah nilai aset bersih (NAV) berkembang marginal 0.7% kepada RM340.6 bilion pada akhir bulan Ogos 2015 mewakili 21.9% daripada permodalan pasaran Bursa Malaysia (akhir 2014: 2.2%; RM343 bilion; 20.8%). Peratusan dana ekuiti melebihi 90% dengan NAV berjumlah RM11.7 bilion, mencerminkan minat tinggi pelabur kepada dana berasaskan ekuiti (Januari – Ogos 2014: RM17.2 bilion).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, **dana borong** terus berkembang dengan pelancaran 34 dana baharu menjadikan jumlah dana kepada 264 (akhir 2014: 37 dana baharu; 230 dana). NAV dana borong meningkat 15.6% kepada RM75.9 bilion pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 23.3%; RM73.3 bilion). Sementara itu, 20 dana global baharu telah dilancarkan bagi pelaburan pasaran luar negeri (Januari – Ogos 2014: 11 dana baharu) dengan 15 daripadanya melibatkan pelaburan sebanyak RM1,096.2 juta dalam pasaran luar negeri (Januari – Ogos 2014: 8 dana; RM655 juta). Secara keseluruhan, 301 dana telah melabur dalam pasaran luar negeri dan mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM28.5 bilion (akhir 2014: 295 dana; RM23.3 bilion). Walau bagaimanapun, risiko pendedahan asing kekal minimum pada 8.4% daripada jumlah NAV industri (akhir 2014: 6.8%).

Permodalan pasaran **industri amanah pelaburan hartanah (REIT)** menyaksikan pertumbuhan memberangsangkan kepada 13 kali lebih tinggi sejak penubuhannya pada tahun 2005 sehingga bulan Ogos 2015. Jumlah permodalan pasaran meningkat kepada RM36.4 bilion pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: RM35.7 bilion). Jumlah dagangan REIT meningkat 27.7% manakala jumlah nilai REIT bertambah 47.7% kepada lebih 1.5 bilion unit berjumlah RM2.4 bilion (Januari – Ogos 2014: -38%, -44.9%; 1.2 bilion unit, RM1.6 bilion). Sehingga kini,

terdapat 17 REIT tersenarai di Bursa Malaysia termasuk empat REIT Islamik. Sebahagian besar REIT dilaburkan dalam hartanah berteraskan kesihatan, komersial, pejabat, runcit, industri dan hospitaliti.

Dana dagangan bursa (ETF) terus mengalami pertumbuhan lebih perlahan disebabkan oleh kurangnya kesedaran dan pemahaman mengenai produk dana dalam kalangan pelabur. Oleh itu, hanya terdapat tujuh ETF disenaraikan di Bursa Malaysia dengan jumlah permodalan pasaran RM1 bilion pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 6 ETF; RM1 bilion). Volum urus niaga juga merosot 7.8% kepada 22.8 juta unit (Januari – Ogos 2014: -81.5%; 21.2 juta unit), manakala jumlah nilai meningkat 27.6% kepada RM29.4 juta (Januari – Ogos 2014: -81.6%; RM23 juta). Pada 7 Mei 2015, ETF Islamik pertama di ASEAN, iaitu MyETF MSCI SEA Islamic Dividend telah tersenarai menjadikan jumlah ETF patuh Syariah kepada tiga.

Aktiviti modal teroka stabil

Industri modal teroka kekal menjadi sumber pembiayaan penting untuk pertumbuhan. Pada akhir bulan Ogos 2015, terdapat 56 syarikat modal teroka (VCC) dan 63 syarikat pengurusan modal teroka (VCMC) (akhir 2014: 56 VCC; 56 VCMC). Jumlah nilai pelaburan modal teroka merosot 5.4% kepada RM3.2 bilion pada akhir tahun 2014 (akhir 2013: 24.5%; RM3.4 bilion) dengan bidang sains hayat menyumbang 36.4%, teknologi maklumat dan komunikasi (29.2%), pembuatan (14.6%) serta elektrik dan penjanaan kuasa (3.6%). Bagi pelaburan modal teroka mengikut spektrum dana, pembiayaan pengantara/pra-IPO memegang saham terbesar, iaitu 43.7% manakala peringkat perkembangan/pertumbuhan menyumbang 25.2% daripada jumlah pelaburan. Jumlah dana komited meningkat 7.2% kepada RM6.2 bilion dengan agensi kerajaan terus menjadi sumber utama pembiayaan sebanyak RM4.1 bilion (65.9%) daripada jumlah dana komited pada akhir tahun 2014 (akhir 2013: 1.7%, RM5.8 bilion; RM3.6 bilion, 61.4%).

Pasaran modal Islam terus berkembang


Pasaran modal Islam telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan pasaran modal secara keseluruhannya dengan memperluaskan lagi pasaran modal melalui penyediaan sumber dana dan pelaburan alternatif yang menarik. Pasaran modal Islam telah berkembang dalam pelbagai aspek, termasuk rangkaian produk dan perkhidmatan, bilangan dan kepelbagaian pihak berkepentingan, infrastruktur dan keupayaan, jangkauan geografi serta perkembangan modal insan. Pada akhir bulan Ogos 2015, sebanyak 676 sekuriti patuh Syariah telah disenaraikan di Bursa Malaysia, mewakili 74.7% daripada jumlah sekuriti yang tersenarai dengan permodalan pasaran berjumlah RM965.2 bilion (akhir 2014: 673 sekuriti; 74.3%; RM1,012.1 bilion).

Pada tempoh H1 2015, terbitan sukuk oleh Malaysia dalam pasaran sukuk global telah berkurang kepada USD39.8 bilion (akhir Jun 2014: USD66.2 bilion) disebabkan oleh sentimen yang lemah terhadap pasaran kewangan serta kesan penurunan harga minyak mentah global. Walau bagaimanapun, Malaysia kekal mendahului dalam aspek inovasi dan pembangunan sukuk sebagai peneraju dalam pasaran sukuk global, merangkumi 54.9% daripada jumlah sukuk global terkumpul pada akhir bulan Jun 2015. Tambahan pula, Malaysia masih mengekalkan kedudukan teratas dalam penerbitan sukuk dengan syer pasaran merangkumi 49.9% bernilai USD19.9 bilion sehingga akhir Jun 2015.

Minat tinggi terhadap nota Islam yang diterbitkan oleh Malaysia amat ketara berikutan terbitan sukuk bernilai USD1 bilion bertempoh matang 10-tahun dan USD500 juta bertempoh matang 30-tahun pada bulan April 2015. Sukuk bertempoh matang 30-tahun ini merupakan sukuk berdaulat paling lama di dunia yang pernah diterbitkan oleh mana-mana negara. Di samping itu, sukuk bertempoh matang 10-tahun telah mengalami lebihan langganan hampir tujuh kali manakala sukuk bertempoh matang 30-tahun pula lebih kurang enam kali. Kerangka Sukuk Pelaburan Maman dan Bertanggungjawab (SRI) telah diperkenalkan pada 28 Ogos 2014. Di bawah kerangka kerja ini, dana tersebut akan digunakan untuk membiayai projek yang berkaitan dengan perlindungan sumber asli dan penggalakan tenaga yang boleh diperbaharui serta pembangunan masyarakat dan ekonomi. Sehubungan itu, Khazanah Nasional Bhd telah muncul sebagai entiti pertama yang berjaya menawarkan sukuk Inisiatif Tanggungjawab Sosial yang pertama bernilai RM100 juta pada 2 Jun 2015. Kepakaran Malaysia yang diiktiraf dalam pasaran sukuk menawarkan peluang kepada penggiat pasaran kewangan tempatan dan firma perkhidmatan profesional untuk mengembangkan dan meningkatkan keupayaan mereka di peringkat global, terutamanya dalam menyediakan nasihat dan perkhidmatan kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Ini terbukti dengan pelantikan sebuah bank Malaysia sebagai salah satu daripada pengatur utama untuk terbitan sukuk korporat global yang pertama oleh Garuda Indonesia bernilai USD500 juta.

CARTA 5.9

Sumber Dana Modal Teroka



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganjakan.
Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Inisiatif Utama Pasaran Modal

Beberapa inisiatif telah diambil dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 untuk meningkatkan lagi tahap mudah tunai dan kecekapan dalam pasaran modal, seperti berikut:



Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) ialah platform dagangan komoditi patuh Shariah bagi memudah cara pembiayaan Islam dengan penggunaan konsep *murabahah*⁴ dan *tawarruq*⁵. Bagi mengembangkan penggunaan BSAS, Bursa Malaysia telah menjalin usahasama dengan pelbagai pembekal komoditi untuk mengembangkan asas penawaran pasaran. Bursa juga menjalin usahasama dengan institusi kewangan yang berpotensi untuk menjadi peserta dagangan BSAS bagi merangsang lebih banyak aktiviti dagangan. Pada akhir bulan Ogos 2015, BSAS mencatat pertumbuhan kukuh 143.6% dengan nilai purata harian mencecah RM13.3 bilion (akhir 2014: 76.7%; RM6.9 bilion) serta RM1,010 bilion komoditi telah ditawarkan dan RM2,183 bilion didagangkan (akhir 2014: RM783.4 bilion; RM1,687.9 bilion). Pertumbuhan ini disebabkan oleh penukaran deposit bank kepada *murabahah* dan pengenalan harga berasaskan tempoh perkhidmatan pada awal tahun ini. Sehingga akhir bulan Ogos 2015, seramai 80 peserta dagangan komoditi telah berdaftar dengan BSAS (akhir 2014: 70 peserta dagangan komoditi).

Sehingga akhir bulan Ogos 2015, aset di bawah pengurusan (AUM) patuh Shariah merangkumi kira-kira 18.3% atau RM118.1 bilion daripada keseluruhan AUM berjumlah RM644.4 bilion. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, pertambahan dua dana unit amanah Islam dan lapan dana borong Islam baharu telah dilancarkan, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 190 dana unit amanah Islam dan 77 dana borong Islam. Pada akhir bulan Ogos 2015, jumlah nilai aset bersih dana unit amanah Islam meningkat kepada RM47.9 bilion, sementara dana borong Islam meningkat sedikit kepada RM24.1 bilion (akhir 2014: RM46.7 bilion; RM23.5 bilion). Kini, terdapat 20 syarikat pengurusan dana Islam yang beroperasi di Malaysia.

Prestasi Industri Insurans dan Takaful

Industri insurans kekal berdaya tahan

Industri insurans kekal berdaya tahan dengan permodalan kukuh dan keuntungan bertambah baik dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Nisbah kecukupan modal ialah pengukur kecukupan modal yang terdapat dalam insurans dan dana pemegang saham syarikat untuk menyokong jumlah keperluan modal. Nisbah ini kekal stabil pada 239.1% (akhir 2014: 250.4%). Di samping itu, jumlah penampungan modal sebanyak RM28.5 bilion melebihi paras keperluan minimum.

Bagi sektor **insurans hayat**, lebih pendapatan berbanding perbelanjaan meningkat RM4.4 bilion dalam lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: RM9 bilion) didorong oleh kerugian modal bersih sebanyak RM2.6 bilion akibat daripada penilaian ekuiti mengikut pasaran. Premium bisnes baharu syarikat insurans hayat juga terus berkembang 4.2% kepada RM6 bilion (Januari – Ogos 2014: 8.4%; RM5.7 bilion). Peningkatan ini sebahagian besarnya disokong oleh pertumbuhan polisi hayat tanpa sertaan. Walau bagaimanapun, tuntutan

Jadual 5.10

Perniagaan Insurans Hayat dan Am Januari – Ogos

	2014	2015
Insurans Hayat (RM juta)		
Perniagaan baharu		
Bilangan polisi (unit) ¹	13,280,458	10,095,875
Jumlah diinsuranskan ¹	463,552.8	525,764.0
Jumlah premium ¹	5,736.4	5,980.2
Perniagaan berkuat kuasa		
Bilangan polisi (unit) ²	20,218,649	19,578,651
Jumlah diinsuranskan ²	1,330,950.8	1,346,231.9
Premium tahunan ²	25,878.2	25,880.2
Pendapatan premium	18,182.4	18,998.7
Bayaran manfaat	11,514.2	13,282.8
Insurans Am (RM juta)		
Pendapatan premium		
Premium langsung kasar	11,599.1	11,939.4
Premium bersih	8,615.2	8,765.4
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	2,789.1	2,836.9
Nisbah bendungan³ (%)	74.3	73.4
Bilangan syarikat insurans⁴		
Langsung	33	33
Hayat	9	10
Am	19	19
Komposit	5	4
Insurans semula	7	7
Hayat	1	1
Am	5	5
Komposit	1	1

¹ Termasuk data bagi syarikat insurans semula.

² Pada akhir Jun, data dikemaskini setiap suku tahunan

³ Bahagian premium yang dikekalkan dalam negara.

⁴ Pada akhir tempoh.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

insurans hayat meningkat 15.4% kepada RM13.3 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 12.1%; RM11.5 bilion). Kadar penembusan pasaran bagi insurans hayat kekal 40.8% pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 41%).

Keuntungan operasi sektor **insurans am** kekal stabil berjumlah RM1.4 bilion (Januari – Ogos 2014: RM1.6 bilion). Premium langsung kasar juga meningkat walaupun pada kadar lebih rendah, iaitu 2.9% kepada RM11.9 bilion (Januari – Ogos 2014: 5.1%; RM11.6 bilion) disebabkan oleh peningkatan bisnes motor dan kebakaran. Bisnes motor terus dominan dengan 46% daripada jumlah premium langsung kasar. Selain itu, nisbah tuntutan berkurang sedikit pada 56.7% (Januari – Ogos 2014: 57.2%) dengan penambahbaikan menyeluruh kepada semua kelas bisnes.

⁴ Kontrak jualan dengan pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli.

⁵ Pembelian aset dengan harga yang ditangguhkan, sama ada atas dasar musawamah (kontrak jualan tanpa pendedahan harga aset kos dan margin keuntungan kepada pembeli) atau *murabahah*, kemudian menjualnya kepada pihak ketiga untuk mendapatkan wang tunai.

Pada akhir bulan Ogos 2015, aset dana insurans terus mencatat pertumbuhan 2.7% kepada RM222.3 bilion (akhir 2014: 6.7%; RM226.8 bilion). Sebahagian besar portfolio aset disumbangkan oleh PDS merangkumi 41.7% daripada jumlah aset kumpulan wang insurans. Ini diikuti oleh ekuiti yang mewakili 16.6% daripada jumlah aset. Sementara itu, aset sektor insurans hayat kekal sebagai penyumbang utama, iaitu 86.2% (Januari – Ogos 2014: 86.6%). Komposisi portfolio pegangan aset bagi syarikat insurans am secara keseluruhannya kekal konsisten.

Industri takaful kekal teguh

Aset **industri takaful** terus berkembang 5.8% (RM23.7 bilion) pada akhir bulan Ogos 2015 (akhir 2014: 8.7%; RM22.7 bilion), terutamanya pada PDS (49.9%) dan ekuiti (13.9%). Aset ini menyumbang 9.6% daripada jumlah aset sektor insurans dan takaful. Manakala, permodalan industri takaful kekal stabil 187.6% pada akhir bulan Jun 2015 (akhir Jun 2014: 190.7%) dengan jumlah penanaman modal melebihi keperluan minimum RM3 bilion (akhir Jun 2014: RM3.2 bilion).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, lebih pendapatan berbanding perbelanjaan bagi perniagaan **takaful keluarga** berjumlah RM1.1 bilion (Januari – Ogos 2014: RM1.7 bilion). Jumlah caruman perniagaan baru takaful keluarga melonjak dengan pertumbuhan dua digit iaitu 10% (Januari – Ogos 2014: -8.3%). Walau bagaimanapun, peningkatan ini diimbangi oleh tuntutan bersih yang lebih tinggi, meningkat 24.5% kepada RM1.6 bilion (Januari – Ogos 2014: -8%; RM1.2 bilion). Pada akhir bulan Ogos 2015, kadar penembusan pasaran perniagaan takaful keluarga juga kekal kukuh pada 14.7% (akhir 2014: 14.5%).

Bisnes **takaful am** terus berkembang dengan keuntungan operasi meningkat kepada RM190.3 juta dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: RM232.2 juta). Perkembangan ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan dalam nisbah tuntutan, iaitu 52.7% (Januari – Ogos 2014: 49.6%). Caruman kasar takaful am juga mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan, iaitu 7.6% (Januari – Ogos 2014: 12%) didorong oleh bisnes marin, penerbangan dan pelbagai kelas transit.

JADUAL 5.11

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am Januari – Ogos

	2014	2015
Takaful Keluarga (RM juta)		
Perniagaan baharu		
Jumlah caruman	2,299.2	2,416.5
Jumlah penyertaan	132,179.6	134,674.5
Bilangan sijil (unit)	409,392	430,250
Perniagaan berkuat kuasa		
Caruman tahunan	2,852.0	3,187.9
Jumlah penyertaan	543,843.3	597,162.3
Bilangan sijil (unit)	4,291,200	4,512,272
Takaful Am (RM juta)		
Caruman langsung kasar	1,461.2	1,573.9
Caruman bersih	1,055.0	1,179.8

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Prospek 2016

Pertumbuhan ekonomi global dijangka bertambah baik pada tahun 2016 dengan pertumbuhan sederhana di AS dan Kesatuan Eropah, manakala pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun dijangka mengalami pertumbuhan yang sederhana. Walaupun terdapat risiko kekangan, ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang kukuh didorong oleh permintaan domestik berdaya tahan. Dalam hal ini, dasar monetari pada tahun 2016 akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi dengan jangkaan kadar inflasi yang terkawal. Sistem perbankan yang kukuh dan pasaran modal yang maju dipercayai dapat menyerap aliran modal tidak menentu dan menjalankan perantaraan kewangan dengan teratur dan cekap. Di samping itu, sistem kewangan dijangka mempunyai mudah tunai yang mencukupi untuk menampung pelbagai aktiviti ekonomi. Dengan memanfaatkan peranannya sebagai penerbit utama sukuk dan perintis produk inovatif, Malaysia mengekalkan kedudukan yang cemerlang untuk mengorak langkah seterusnya dalam kewangan Islam.